

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA, PARLIMEN KE-14**  
**(DEWAN RAKYAT)**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : PUAN ALICE LAU KIONG YIENG [ LANANG ]**  
**TARIKH : 19 NOV 2019 (SELASA)**  
**SOALAN :**

**PUAN ALICE LAU KIONG YIENG [ LANANG ]** minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh Kementerian untuk membantu kesemua pengusaha minyak sawit terutama pengusaha minyak sawit kecil supaya mendapatkan Pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) yang akan dilaksanakan secara wajib menjelang Disember 31, 2019 memandangkan pensijilan tersebut melibatkan kos yang amat tinggi dan setakat ini berapakah peratus pengusaha minyak sawit di Sarawak telah berjaya mendapat Pensijilan MSPO ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Bagi meringankan bebanan kewangan para pekebun kecil persendirian, perbelanjaan pelaksanaan Pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) adalah ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan yang merangkumi kos latihan, kos pengauditan, kos pembelian alat pelindungan peribadi dan rak bahan kimia.

Kerajaan juga telah meningkatkan kadar insentif kos pengauditan MSPO daripada 70% kepada 100% dan memberi insentif baharu kos persediaan MSPO sebanyak 50% bagi estet-estet yang berkeluasan 40.46 hingga 1,000 hektar. Manakala, insentif bagi pekebun kecil tersusun juga telah ditingkatkan daripada RM10 sehektar kepada RM55 sehektar. Bagi

## SOALAN NO : 13

para pengilang, Kerajaan memberi insentif sehingga 30% dari kos pengauditan pensijilan tersebut.

Sehingga 31 Oktober 2019, seluas 3.42 juta hektar atau 58.5% daripada 5.85 juta hektar tanaman sawit di Malaysia telah mendapat pensijilan MSPO. Pensijilan ini meliputi 2.52 juta hektar ladang dan 441,000 hektar pekebun kecil. Manakala, kilang buah sawit yang telah mendapat pensijilan MSPO adalah sebanyak 288 buah kilang atau 64% daripada keseluruhan kilang buah sawit di Malaysia.

Bagi negeri Sarawak pula, seluas 908,015 hektar atau 58% daripada 1.57 juta hektar tanaman sawit di Sarawak telah dipersijilkan MSPO. Manakala, kilang buah sawit yang telah mendapat pensijilan MSPO adalah sebanyak 57 buah kilang atau 70% daripada keseluruhan kilang buah sawit di Sarawak.

Bagi pekebun kecil yang masih belum memperolehi pensijilan MSPO, Kementerian melalui Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) sedang berusaha untuk mempersiapkan pekebun kecil ini mendapatkan pensijilan MSPO.

MPOB secara berterusan akan memberi latihan kepada pekebun kecil sawit di seluruh Malaysia meliputi kawasan pendalaman, kampung, daerah dan negeri. Selain itu, Kementerian dan MPOB turut bekerjasama dengan agensi-agensi pengurusan pekebun kecil seperti Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA), Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan (FELCRA) dan Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Sarawak (SALCRA) dalam melaksanakan pensijilan MSPO untuk pekebun kecil sawit ini. Kementerian juga telah bekerjasama dengan Kerajaan Negeri terutamanya bagi menangani isu-isu penukaran syarat nyata tanah.

Pihak kementerian juga sedang giat menjalankan Program Jelajah MSPO untuk penanam sawit seluruh negara. Sebanyak 274 taklimat MSPO telah dianjurkan dari Januari hingga September 2019 yang melibatkan 40,773 peserta.